



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perlembagaan (Pindaan) 1983
DR.22/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. (1) Perkara 1 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas angka "1973" dalam Fasal (4) perkataan-perkataan " , dan Wilayah Persekutuan hendaklah dikira suatu wilayah dalam Persekutuan".

Pindaan
Perkara 1.

(2) Apa-apa sebutan dalam Perlembagaan dan mana-mana undang-undang bertulis lain kepada Persekutuan, Malaya, Malaysia, Negeri-Negeri Persekutuan, Negeri-Negeri Tanah Melayu, atau Malaysia Barat, bagaimana-jua pun digunakan, sama ada atau tidak digunakan berhubungan dengan atau sebagai sebahagian daripada suatu ungkapan lain, hendaklah ditafsirkan termasuk suatu sebutan mengenai Wilayah Persekutuan, melainkan jika terdapat peruntukan nyata yang berlawanan atau terdapat sesuatu dalam perkara atau konteksnya yang tak konsisten atau bertentangan dengan pentafsiran itu.

(3) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974.

Pindaan
Perkara
43A.

3. (1) Perkara 43A Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "fungsi-fungsi" dalam Fasal (2) perkataan-perkataan " , dan bagi maksud tersebut hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri-Menteri".

Pindaan
Perkara
43B.

4. Perkara 43B Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "fungsi-fungsi" dalam Fasal (2) perkataan-perkataan " , dan bagi maksud tersebut hendaklah mempunyai segala kuasa Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri".

Pindaan
Perkara 46.

5. (1) Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan Perkara 46 dengan Perkara 46 yang berikut :

"Keanggotaan
Dewan
Rakyat.

46. (1) Dewan Rakyat hendaklah terdiri dari seratus tujuh puluh enam orang anggota yang dipilih.

(2) Daripada bilangan itu—

(a) seratus enam puluh sembilan orang anggota ialah dari Negeri-Negeri dalam Malaysia seperti berikut—

(i) lapan belas orang anggota dari Johor;

(ii) empat belas orang anggota dari Kedah;

(iii) tiga belas orang anggota dari Kelantan;

(iv) lima orang anggota dari Melaka;

(v) tujuh orang anggota dari Negeri Sembilan;

(vi) sepuluh orang anggota dari Pahang;

(vii) dua puluh tiga orang anggota dari Perak;

(viii) dua orang anggota dari Perlis;

(ix) sebelas orang anggota dari Pulau Pinang;

- (x) dua puluh orang anggota dari Sabah;
- (xi) dua puluh empat orang anggota dari Sarawak;
- (xii) empat belas orang anggota dari Selangor;
- (xiii) lapan orang anggota dari Trengganu;
- dan

(b) tujuh orang anggota dari Wilayah Persekutuan.”.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan berhubungan dengan lat-lat tempoh dalam mana ulangkaji hendaklah dijalankan menurut Fasal itu, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas tersiarnya Akta ini dalam *Warta*, menjalankan ulangkaji yang disebutkan dalam Fasal itu atau, jika mana-mana ulangkaji itu telahpun bermula sebelum penyiaran itu, meneruskan dengan ulangkaji itu, dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana difikirkannya perlu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Perkara 46 Perlembagaan, sebagaimana dipinda oleh seksyen ini dan juga peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan.

(3) Perkara 46 Perlembagaan, sebagaimana dipinda oleh seksyen ini, tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihanraya ke Dewan itu sehingga pembubaran Parlimen yang berlaku pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Perintah yang dibuat di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga belas yang tersebut itu berikutan dengan ulangkaji yang dijalankan menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan dan juga Jadual Ketiga belas yang tersebut itu.

6. Perkara 48 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (3), Fasal (4) dan (5) yang berikut:

Pindaan
Perkara 48.

“(4) Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini, di mana seseorang anggota mana-mana Majlis Parlimen menjadi hilang kelayakan dari terus menjadi anggota Majlis itu

menurut perenggan (e) Fasal (1) atau di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2)—

(a) hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh dia—

(i) disabitkan dan dihukum sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (e) yang tersebut di atas; atau

(ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2); atau

(b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan kena disabitkan atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, mengikut mana yang berkenaan, hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah dilupuskan oleh mahkamah itu; atau

(c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah yang dinyatakan dalam perenggan (b) itu ada difailkan suatu petisyen mendapat ampun, maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

(5) Fasal (4) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan, pilihanraya atau perlantikan mana-mana orang ke mana-mana Majlis Parlimen, dan bagi maksud tersebut hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang tersebut dalam perenggan (e) Fasal (1) atau dalam Fasal (2), mengikut mana yang berkenaan.”.

7. Perkara 53 Perlembagaan adalah dipinda—Pindaan
Perkara 53.

(a) dengan menomborkannya semula sebagai Fasal (1) Perkara 53; dan

(b) dengan memasukkan selepas Fasal (1), Fasal (2) yang berikut:

“(2) Jika seseorang anggota mana-mana Majlis Parlimen menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48, atau di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Fasal (2) Perkara 48, maka Fasal (1) tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi anggota Majlis itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang kelayakannya berkuatkuasa mengikut Fasal (4) Perkara 48.”

8. (1) Perkara 56 Perlembagaan adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “atau Timbalan Yang Dipertua” dalam Fasal (5) dan (6).Pindaan
Perkara 56.

(2) Pindaan-pindaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah terpakai hanya bagi seseorang yang dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara pada atau selepas berkuatkuasanya seksyen ini.

9. (1) Perkara 57 Perlembagaan adalah dipinda—Pindaan
Perkara 57.

(a) dengan menggantikan perenggan (b) Fasal (1) dengan perenggan (b) yang berikut:

“(b) dua orang Timbalan Yang Dipertua dari kalangan anggota Dewan;”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Yang Dipertua” dalam Fasal (2A) dengan perkataan-perkataan “Seseorang Timbalan Yang Dipertua”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Yang Dipertua atau, jika Timbalan Yang Dipertua juga tidak hadir atau jika jawatannya juga kosong” dalam Fasal (3) dengan perkataan-perkataan “seorang daripada Timbalan Yang Dipertua atau, jika kedua-duanya Timbalan Yang Dipertua tidak hadir atau jika kedua-dua jawatan mereka itu kosong”;

(d) dengan memotong perkataan-perkataan “atau Timbalan Yang Dipertua” dalam Fasal (5) dan (6); dan

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Yang Dipertua” dalam nota birai kepadanya dengan perkataan-perkataan “Timbalan-Timbalan Yang Dipertua”.

(2) Pindaan-pindaan yang dibuat di bawah perenggan (d) subseksyen (1) adalah terpakai hanya bagi seseorang yang dipilih menjadi seorang Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat pada atau selepas berkuatkuasanya seksyen ini.

Pindaan
Perkara 58.

10. Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Timbalan Yang Dipertua” dalam Perkara 58 dan dalam nota birai kepadanya dengan perkataan-perkataan “Timbalan-Timbalan Yang Dipertua”.

Pindaan
Perkara 59.

11. Perkara 59 Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga” dalam Fasal (2) dengan perkataan “enam”.

Pindaan
Perkara 66.

12. Perkara 66 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “dan selepas memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menyebabkan Rang Undang-Undang itu disiarkan sebagai undang-undang” dalam Fasal (4); dan

(b) dengan menggantikan Fasal (5) dengan Fasal (5) dan (5A) yang berikut:

“(5) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jika kerana apa-apa jua sebab Rang Undang-Undang itu tidak diperkenankan oleh Baginda dalam tempoh lima belas hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka Baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu dan

Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

(5A) Tiada satupun undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Parlimen untuk menangguhkan kuatkuasa mana-mana undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuatkuasa kebelakangan.”.

13. Perkara 90 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (1) Fasal (1A) yang berikut: Pindaan
Perkara 90.

“(1A) Bagi maksud Fasal (1)—

(a) “pemindahan-milik” termasuklah gadaian, perpindahan atau perletakhakan, atau perwujudan sesuatu lien atau amanah, atau permasukannya sesuatu *caveat*, atau apa-apa bentuk lain urusan atau pelupusan dari apa-apa jua perihal atau jenis; dan

(b) “pajakan” termasuklah sesuatu tenansi dari apa-apa jua bentuk atau jangka masa.”.

14. (1) Perkara 114 Perlembagaan adalah dipinda— Pindaan
Perkara
114.

(a) dengan menggantikan perenggan (b) Fasal (4) dengan perenggan (b) yang berikut:

“(b) mengambil bahagian dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji di luar tugas jawatannya; atau”; dan

(b) dengan menggantikan fasal (4A) dengan Fasal (4A) yang berikut:

“(4A) Selain dari apa-apa hilang kelayakan yang diperuntukkan di bawah Fasal (4), pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari lantikannya ke jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi seorang anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan

atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya :

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagian daripadanya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.”.

(2) Pindaan-pindaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) terpakai hanya kepada orang yang dilantik menjadi seorang anggota Suruhanjaya Pilihanraya pada atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini.

Pindaan
Perkara
121.

15. Fasal (2) Perkara 121 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Mahkamah Persekutuan” dengan perkataan-perkataan “Mahkamah Agung (Supreme Court)”;

(b) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a), menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma bertitik dan perkataan “dan”, dan memasukkan selepas perenggan (b), perenggan (c) yang berikut :

“(c) apa-apa bidang kuasa lain sebagaimana diberikan oleh atau di bawah undang-undang persekutuan.”.

Pindaan
Perkara
122, 122A,
122B, 122C,
123, 124,
125, 125A,
126, 127,
128, 130
dan 131A.

16. (1) Perlembagaan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Persekutuan” di mana jua ianya terdapat dalam Perkara 122, 122A, 122B, 122C, 123, 124, 125, 125A, 126, 127, 128, 130 dan 131A dan dalam nota birai kepadanya dalam Bahagian IX dengan perkataan “Agung”.

(2) Perkara 122B Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (5), Fasal (6) yang berikut:

“(6) Walaupun terdapatnya tarikh perlantikan mereka masing-masing sebagai hakim-hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah-Mahkamah Tinggi, Yang di-Pertuan Agung, yang bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri yang diberi selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, boleh menentukan susunan keutamaan hakim-hakim itu di antara sesama mereka.”

(3) Perkara 125 Perlembagaan adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “, atau sebelum Hari Malaysia telah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Agung” dalam Fasal (4).

17. Perlembagaan adalah dipinda dengan memotong Perkara 131. Pemotongan
Perkara
131.

18. (1) Seksyen 15, 16 dan 17 Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Mula
berkuat-
kuasanya
seksyen 15,
16 dan 17.

(2) Sebaik sahaja seksyen 15, 16 dan 17 mula berkuatkuasa, semua sebutan dalam atau di bawah Perlembagaan atau dalam atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Mahkamah Persekutuan dan hakim-hakim serta pegawai-pegawainya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung dan hakim-hakim serta pegawai-pegawainya masing-masing.

19. (1) Perkara 142 Perlembagaan adalah dipinda— Pindaan
Perkara
142.

(a) dengan menggantikan perenggan (b) Fasal (2) dengan perenggan (b) yang berikut:

“(b) seorang pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau mana-mana badan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud-maksud awam;” dan

(b) dengan menggantikan Fasal (2A) dengan Fasal (2A) yang berikut :

“(2A) Selain dari apa-apa hilang kelayakan yang diperuntukkan di bawah Fasal (2), pengerusi mana-mana Suruhanjaya yang Bahagian ini terpakai baginya hendaklah hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dari lantikannya ke jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi seorang anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya :

Dengan syarat bahawa hilang kelayakan itu tidaklah terpakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagian daripadanya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang berupa khairat atau sosial, dan anggota itu tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.”.

(2) Pindaan-pindaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) terpakai hanya kepada orang yang dilantik menjadi anggota mana-mana Suruhanjaya (yang Bahagian X Perlembagaan terpakai baginya) pada atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen ini.

20. Perkara 150 Perlembagaan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “Perdana Menteri”;

- (b) dengan menggantikan selepas perkataan “boleh” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “dia hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya,”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dalam Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “Perdana Menteri”;
- (d) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “yang mengancamkan itu” dalam Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “dan menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dengan sewajarnya”;
- (e) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “oleh Perkara ini” dalam Fasal (2A) perkataan-perkataan “untuk mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat”;
- (f) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “keadaan yang berlainan,” dalam Fasal (2A) perkataan-perkataan “sebagaimana dinasihatkan oleh Perdana Menteri,”;
- (g) dengan memotong perkataan-perkataan “oleh Yang di-Pertuan Agong” dalam Fasal (2A);
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan segera, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Yang di-Pertuan Agong berpendapat adalah dikehendaki oleh hal-hal keadaan” dalam Fasal (2B) dengan perkataan-perkataan “Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu diambil tindakan segera, maka dia hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan

apa-apa ordinan sebagaimana Perdana Menteri berpendapat adalah perlu, dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya mengisytiharkan ordinan-ordinan itu dengan sewajarnya”;

(i) dengan memotong perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dalam Fasal (2c);

(j) dengan memotong perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong” dalam Fasal (3);

(k) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B)” dalam perenggan (a) Fasal (8) dengan perkataan-perkataan “Perdana Menteri yang disebut dalam Fasal (1), (2) dan (2B)”;

(l) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “dinyatakan dalam Fasal (1)” dalam subperenggan (i) perenggan (b) Fasal (8) dengan perkataan-perkataan “, sama ada atau tidak berbangkit di bawah Fasal (2)”.

Pindaan
Jadual
Kelapan.

21. Jadual Kelapan kepada Perlembagaan adalah di-
pinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) seksyen 6, subseksyen (3) dan (4) yang berikut :

“(3) Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam seksyen ini, di mana seseorang anggota Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan dari terus menjadi anggota Dewan itu menurut perenggan (e) subseksyen (1) atau di bawah suatu undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan (f) subseksyen (1)—

(a) hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh dia—

(i) disabitkan dan dihukum sebagai mana dinyatakan dalam perenggan (e) yang tersebut di atas; atau

(ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu

undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan (f) tersebut di atas; atau

(b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan kena disabitkan atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, mengikut mana yang berkenaan, maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain itu dilupuskan oleh mahkamah itu; atau

(c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah yang dinyatakan dalam perenggan (b) itu ada difailkan suatu petisyen mendapat ampun, maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

(4) Subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan atau pilihanraya mana-mana orang ke Dewan Negeri, dan bagi maksud tersebut hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang tersebut dalam perenggan (e) atau (f), mengikut mana yang berkenaan, subseksyen (1).”;

(b) dengan menomborkan semula seksyen 8 sebagai subseksyen (1) seksyen 8 dan memasukkan selepas subseksyen (1) yang tersebut di atas subseksyen (2) yang berikut:

“(2) Jika seseorang anggota Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (e) subseksyen (1) seksyen 6, atau di bawah suatu undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan (f) subseksyen (1)

seksyen 6, maka subseksyen (1) yang tersebut di atas tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi anggota Dewan Negeri itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang kelayakannya berkuatkuasa mengikut subseksyen (3) seksyen (6),"; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) seksyen 11 dengan subseksyen (3) dan (4) yang berikut :

"(3) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Raja. Jika kerana apa-apa jua sebab Rang Undang-Undang itu tidak diperkenankan oleh Raja dalam tempoh lima belas hari selepas Rang Undang-Undang itu dipersembahkan kepada Raja, maka Raja itu hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang Undang-undang itu dan Rang Undang-undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

(4) Tiada satupun undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan tetapi, bagaimanapun, tidaklah menjejaskan kuasa Badan Perundangan untuk menangguhkan kuatkuasa mana-mana undang-undang atau untuk membuat undang-undang dengan kuatkuasa kebelakangan."

22. (1) Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas butiran 26, butiran 27 yang berikut :

"27. Semua perkara berhubungan dengan Wilayah Persekutuan, termasuk perkara-perkara yang disenaraikan dalam butiran 2, 3, 4 dan 5 Senarai Negeri."

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 2 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 1 Perlembagaan untuk memperjelaskan kedudukan berkenaan dengan Wilayah Persekutuan dengan mengadakan peruntukan mengenai kemasukannya sebagai sebahagian dari wilayah dalam Persekutuan, memandangkan ianya terkeluar dari Negeri Selangor.

Subfasal (2) Fasal (2) Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan dalam Perlembagaan dan mana-mana undang-undang bertulis lain kepada Persekutuan, Malaya, Malaysia, Negeri-Negeri Tanah Melayu, atau Malaysia Barat, bagaimanajua pun digunakan, sama ada atau tidak digunakan berhubungan dengan atau sebagai sebahagian daripada suatu ungkapan lain, hendaklah dikira termasuk suatu sebutan mengenai Wilayah Persekutuan melainkan jika terdapat peruntukan nyata yang berlawanan atau terdapat sesuatu dalam perkara atau konteksnya yang tak konsisten atau bertentangan dengan pentafsiran itu.

Subfasal (3) Fasal 2 Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa Fasal ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974, iaitu, tarikh Wilayah Persekutuan ditubuhkan.

3. *Fasal (3)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai pindaan kepada Perkara 43A Perlembagaan, yang berkaitan dengan Timbalan-Timbalan Menteri untuk memperjelaskan bahawa Timbalan-Timbalan Menteri semasa membantu Menteri-Menteri dalam menjalankan kewajipan dan fungsi Menteri-Menteri hendaklah mempunyai segala kuasa yang dipunyai oleh Menteri-Menteri bagi maksud membantu Menteri-Menteri yang sedemikian itu.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 43B Perlembagaan, yang berkaitan dengan Setiausaha Parlimen, untuk memperjelaskan bahawa Setiausaha Parlimen semasa membantu Menteri dan Timbalan Menteri dalam menjalankan kewajipan dan fungsi Menteri dan Timbalan Menteri hendaklah mempunyai segala kuasa yang dipunyai oleh Menteri dan Timbalan Menteri bagi maksud membantu mereka sedemikian itu.

5. *Fasal 5 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 46 Perlembagaan untuk membuat peruntukan mengenai pertambahan dalam bilangan anggota Dewan Rakyat, dan, berikutan dengan itu, ia membuat peruntukan mengenai pertambahan bilangan anggota dalam Dewan dari semua Negeri dan Wilayah Persekutuan, kecuali mengenai Negeri Perlis dan Sarawak.

Subfasal (2) Fasal 5 Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berbangkit dengan pindaan kepada Perkara 46 dengan menghendaki Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji tentang pembahagian Persekutuan dan Negeri-Negeri kepada bahagian-bahagian pilihanraya di bawah Perkara 113 (2) atau, jika setelah disiarkan dalam *Warta* akan Akta yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang ini ulangkaji itu telahpun bermula, supaya meneruskan

dengan ulangkaji itu, dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana difikirkan perlu untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perkara 46, yang diminta supaya dipinda, dan peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan. Peruntukan ini dibuat tertakluk kepada pesyarat dalam Perkara 113 (2) berhubung dengan lat-lat tempoh ulangkaji itu hendak dijalankan menurut Perkara itu.

Subfasal (3) Fasal ini Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa pertambahan tentang bilangan anggota Dewan Rakyat yang diminta supaya dibuat peruntukan melalui pindaan kepada Perkara 46 itu tidaklah menjejaskan keanggotaan Dewan itu atau mana-mana pilihanraya ke Dewan itu sehingga pembubaran Parlimen yang berlaku pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Perintah yang dibuat di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan berikutan dengan ulangkaji yang dijalankan menurut Perkara 113 (2) dan juga Jadual Ketiga belas tersebut.

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 48 Perlembagaan dengan memasukkan ke dalamnya suatu Fasal baru (4) bagi membuat peruntukan bahawa di mana seseorang anggota mana-mana Majlis Parlimen menjadi hilang kelayakan dari terus menjadi anggota Majlis itu oleh sebab sabitan dan hukuman sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 48 (1) (e), atau oleh sebab telah disabitkan atas suatu kesalahan, atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan yang menjadi suatu kesalahan, di bawah suatu undang-undang persekutuan berhubung dengan kesalahan berkaitan dengan pilihanraya yang dibuat menurut Perkara 48 (2), hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa hanya selepas tamatnya tempoh empat belas hari dari tarikh sabitan dan hukuman itu atau tarikh kena disabitkan atau dibuktikan bersalah di bawah undang-undang persekutuan itu, mengikut mana yang berkenaan.

Pindaan itu juga bertujuan memperuntukkan bahawa di mana, dalam masa tempoh empat belas hari, anggota itu membuat rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah berkenaan dengan sabitan dan hukuman itu, atau berkenaan kena disabitkan atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, hilang kelayakan itu hendaklah mula berkuatkuasa hanya selepas tamatnya tempoh empat belas hari dari tarikh pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah itu.

Pindaan itu selanjutnya bertujuan memperuntukkan bahawa di mana anggota itu memfail suatu petisyen untuk mendapat ampun dalam tempoh empat belas hari dari tarikh sabitan dan hukuman atau dari tarikh dia disabitkan atau dibuktikan bersalah, atau dalam tempoh empat belas hari dari pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah, hilang kelayakan itu hendaklah mula berkuatkuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

Fasal baru (5) yang meminta supaya dimasukkan ke dalam Perkara 48 memperjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan Fasal baru (4) yang dicadangkan kepada Perkara 48, yang membuat peruntukan mengenai penangguhan kuatkuasa hilang kelayakan

yang tersebut di atas, tidak akan terpakai bagi maksud penamaan, pilihanraya atau perlantikan mana-mana orang ke mana-mana Majlis Parlimen, dan bagi maksud ini hilang kelayakan itu hendaklah mula berkuatkuasa sebaik sahaja orang itu disabitkan dan dihukum sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 48 (1) (e), atau sebaik sahaja disabitkan atas suatu kesalahan, atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan yang menjadi suatu kesalahan, di bawah suatu undang-undang persekutuan berhubungan dengan kesalahan berkaitan dengan pilihanraya yang disebutkan dalam Perkara 48 (2).

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 53 Perlembagaan untuk menomborkannya semula sebagai Perkara 53 (1), dan menambah kepadanya suatu Fasal baru (2) yang memperuntukkan bahawa di mana seseorang anggota Majlis Parlimen menjadi hilang kelayakan semata-mata oleh sebab suatu sabitan dan hukuman sebagaimana disebutkan dalam Perkara 48 (1) (e) atau, semata-mata oleh sebab kena disabitkan atau dibuktikan bersalah di bawah suatu undang-undang persekutuan yang dibuat menurut Perkara 48 (2), anggota itu terhenti menjadi anggota Majlis itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang kelayakannya berkuatkuasa mengikut Fasal (4) yang dicadangkan kepada Perkara 48, dan peruntukan-peruntukan Perkara 53 (1) yang membuat peruntukan, antara lain, mengenai pengambilan keputusan oleh Majlis itu berkenaan dengan hilang kelayakan itu tidak terpakai.

8. *Fasal 8 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 56 Perlembagaan bagi memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Fasal (5) dan (6) Perkara 56 yang berkaitan dengan hilang kelayakan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara tidak terpakai kepada Timbalan Yang Dipertua.

Subfasal (2) Fasal 8 Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan kepada Perkara 56 yang diminta supaya dibuat melalui *Fasal 8 (1)* Rang Undang-Undang hanya terpakai bagi seseorang yang dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua pada atau selepas berkuatkuasanya *Fasal 8* Rang Undang-Undang.

9. *Fasal 9 (1) (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 57 Perlembagaan bagi membuat peruntukan mengenai perlantikan dua orang Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dari kalangan anggota Dewan itu. *Perenggan (b), (c) dan (e) Fasal 9 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan kepada Perkara 57 berikutan dengan pindaan di bawah *Fasal 9 (1) (a)*.

Perenggan (d) Fasal 9 (1) Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda Fasal (5) dan (6) Perkara 57 berhubungan dengan hilang kelayakan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua agar dapat memperuntukkan bahawa hilang kelayakan itu tidak terpakai kepada seorang Timbalan Yang Dipertua.

Subfasal (2) Fasal 9 Rang Undang-Undang bertujuan mengadakan peruntukan bahawa pindaan-pindaan kepada Perkara 57 yang diminta supaya dibuat melalui *perenggan (d) Fasal 9 (1)* Rang Undang-Undang hanya terpakai bagi seseorang yang dipilih menjadi seorang Yang Dipertua pada atau selepas berkuatkuasanya *Fasal 9* Rang Undang-Undang.

10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan kepada Perkara 58 Perlembagaan yang berkaitan dengan pindaan yang diminta supaya dibuat di bawah *Fasal 9 (1)* Rang Undang-Undang.

11. *Fasal 11* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 59 (2) Perlembagaan bagi menambah tempoh dalam mana seseorang anggota mestilah mengambil kerusinya dalam Majlis Parlimen dari tiga bulan kepada enam bulan.

12. *Fasal 12 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 66 (5) Perlembagaan bagi memperuntukkan bahawa jika kerana apajua sebab suatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh lima belas hari selepas ia dipersembahkan kepada Baginda, maka Baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang Undang-Undang itu dan Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

Fasal baru (5A) yang hendak dimasukkan ke dalam Perkara 66 melalui *Fasal 12 (b)* Rang Undang-Undang mengulangi sebahagian peruntukan Fasal (5) yang ada sekarang dalam Perkara 66 berhubungan dengan tersiarnya dan mula berkuatkuasanya suatu undang-undang.

Perenggan (a) Fasal 12 Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 66 (4), pindaan itu adalah berbangkit dari pindaan yang dibuat melalui *Fasal 12 (b)*.

13. *Fasal 13* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 90 Perlembagaan dengan memasukkan ke dalamnya suatu Fasal baru (1A) supaya membolehkan sekatan-sekatan yang boleh dikenakan oleh undang-undang ke atas pemindahmilikan atau pajakan tanah adat dalam Negeri Sembilan atau Negeri Melaka, atau apa-apa kepentingan dalam tanah sedemikian, menurut Fasal (1) Perkara tersebut, untuk meliputi sekatan-sekatan ke atas penggadaian, perpindahan, perletakhakan, perwujudan sesuatu lien atau amanah, atau permasukannya sesuatu *caveat*, atau apa-apa bentuk lain urusan atau pelupusan dari apa-apa jua perihal atau jenis, atau sesuatu tenansi dari apa-apa jua bentuk atau jangka masa.

14. *Fasal 14 (1) (a)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan *perenggan (b) Fasal (4) Perkara 114* Perlembagaan dengan suatu *perenggan baru (b)* yang menghilangkan kelayakan seseorang dari menjadi anggota Suruhanjaya Pilihanraya jika dia melibatkan diri dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan bergaji di luar kewajipan jawatannya.

Fasal 14 (1) (b) Rang Undang-undang bertujuan menggantikan Fasal (4A) Perkara 114 dengan suatu Fasal baru (4A) yang memperuntukkan suatu hilang kelayakan tambahan yang akan terpakai kepada pengerusi Suruhanjaya pilihanraya agar dia kehilangan kelayakan dari menjadi pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya jika dia melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti perniagaan, kecuali jika pertubuhan atau badan dalam mana dia terlibat itu menjalankan kerja kebajikan dan pengerusi tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

Subfasal (2) Fasal 14 Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa pindaan-pindaan kepada Perkara 114 yang diminta supaya dibuat melalui *Fasal 14 (1)* Rang Undang-Undang terpakai hanya kepada orang yang dilantik menjadi anggota Suruhanjaya pilihanraya pada atau selepas mula berkuatkuasanya *Fasal 14* Rang Undang-Undang.

15. *Fasal 15 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 121 (2) Perlembagaan untuk menggantikan Mahkamah Persekutuan dengan Mahkamah Agung (Supreme Court), dan untuk membolehkan undang-undang persekutuan memberi kepada Mahkamah Agung bidang kuasa tambahan selain dari yang diberikan di bawah perenggan (a) dan (b) yang ada dalam Perkara 121 (2).

16. *Fasal 16 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada berbagai Perkara kepada Perlembagaan yang dinyatakan dalamnya bagi menggantikan sebutan-sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan dengan sebutan-sebutan Mahkamah Agung.

Subfasal (2) Fasal 16 Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 122a Perlembagaan dengan memasukkan ke dalamnya suatu Fasal baru (6) yang memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri yang akan diberikan selepas Perdana Menteri telah berunding dengan Ketua Hakim Negara, boleh menentukan susunan keutamaan hakim di antara sesama mereka; susunan keutamaan itu boleh ditentukan dengan tidak menghiraukan tarikh perlantikan mereka masing-masing sebagai hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah-Mahkamah Tinggi.

Subfasal 3 Fasal 16 Rang Undang-Undang memotong sebutan bagi seorang hakim Mahkamah Agung sebelum Hari Malaysia dalam Perkara 125 (4) kerana sebutan ini tidak lagi perlu.

17. *Fasal 17* Rang Undang-Undang bertujuan memotong Perkara 131 Perlembagaan yang membuat peruntukan mengenai rayuan dari Mahkamah Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong dan mengenai sebutan mengenai rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy.

18. *Fasal 18 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan berbangkit yang menyatakan bahawa sebaik sahaja berkuatkuasanya *Fasal 15, 16 dan 17*, sebutan-sebutan dalam atau di

bawah Perlembagaan atau dalam atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai Mahkamah Persekutuan dan hakim-hakim serta pegawai-pegawainya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Agung dan hakim-hakim serta pegawai-pegawai Mahkamah itu.

19. *Fasal 19 (1) (a)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan perenggan (b) Fasal (2) Perkara 142 dengan suatu perenggan baru (b) yang menghilangkan kelayakan seseorang anggota mana-mana Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan, yang berkaitan dengan perkhidmatan awam, jika anggota itu adalah atau menjadi pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau mana-mana badan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh undang-undang bagi maksud-maksud awam.

Fasal 19 (1) (b) bertujuan menggantikan Fasal (2A) Perkara 142 dengan suatu Fasal baru (2A) yang memperuntukan suatu hilang kelayakan tambahan bagi pengerusi mana-mana Suruhanjaya tersebut jika dia melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti perniagaan, kecuali jika pertubuhan atau badan yang dia terlibat menjalankan kerja kebajikan dan dia tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

Subfasal (2) Fasal 19 Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa pindaan yang dibuat di bawah *Subfasal (1) Fasal 19* Rang Undang-Undang terpakai hanya kepada orang yang dilantik menjadi anggota mana-mana Suruhanjaya tersebut pada atau selepas mula berkuatkuasanya *Fasal 19* Rang Undang-Undang.

20. *Perenggan (a) dan (b) Fasal 20* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan bagi memperuntukkan bahawa jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku dan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Perdana Menteri hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah, mengikut nasihat itu, mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat dengan membuat di dalamnya pengumuman yang bermaksud sedemikian.

Perenggan (c) dan (d) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Fasal (2) Perkara 150 dengan membuat peruntukan supaya Perdana Menteri berpuas hati berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Fasal (2) tersebut, iaitu, supaya Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian yang mengancam keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan supaya Perdana Menteri menasihatkan Yang di-Pertuan Agong sedemikian agar suatu Perisytiharan Darurat di bawah Fasal (1) Perkara 150 boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian itu.

Subfasal (e), (f) dan (g) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan kepada Fasal (2A) Perkara 150 yang berbangkit dari pindaan-pindaan yang diminta supaya dibuat kepada Fasal (1) dan (2) Perkara itu, dengan memperuntukkan bahawa kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan Perisytiharan Darurat yang berlainan dengan alasan-alasan yang berlainan atau mengikut hal-hal keadaan yang berlainan itu hendaklah dijalankan mengikut nasihat Perdana Menteri.

Perenggan (h) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan meminda Fasal (2B) Perkara 150 bagi mengadakan peruntukan bahawa jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu diambil tindakan segera, maka dia hendaklah menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Perdana Menteri berpendapat adalah perlu, dan Yang di-Pertuan Agong hendaklah kemudiannya mengisytiharkan ordinan-ordinan itu dengan sewajarnya.

Perenggan (i) dan (j) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan kepada Fasal (2c) dan (3) Perkara 150 yang berbangkit dengan pindaan yang diminta supaya dibuat kepada Fasal (2B) Perkara tersebut.

Perenggan (k) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan meminda perenggan (a) Fasal (8) Perkara 150 berikutan dengan pindaan-pindaan yang diminta supaya dibuat melalui *Fasal 20* Rang Undang-Undang kepada Fasal (1), (2) dan (2B) Perkara tersebut, dan membuat peruntukan mengenai hal puas hatinya Perdana Menteri di bawah Fasal-Fasal ini sebagai muktamad dan supaya dikecualikan daripada dicabar atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apajua alasan.

Perenggan (l) Fasal 20 Rang Undang-Undang bertujuan meminda subperenggan (i) perenggan (b) Fasal (8) Perkara 150 bagi memperjelaskan bahawa subperenggan (i) tersebut terpakai kepada suatu Perisytiharan Darurat dan pengumuman yang terkandung dalamnya, sama ada atau tidak Perisytiharan atau pengumuman itu berbangkit di bawah Fasal (2) Perkara itu, iaitu, sama ada atau tidak ianya berbangkit dari puas hatinya Perdana Menteri bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlaku kejadian itu yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagian daripadanya.

21. *Fasal 21 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 6 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan, iaitu satu Jadual yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang hendak dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri, agar diperuntukkan hilang kelayakan bagi anggota Dewan Negeri sesuatu Negeri yang berbangkit dari kena disabitkan atau li hukum sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (e) subseksyen (1) dalam seksyen 6 tersebut, atau dari disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang berhubungan dengan kesalahan berkaitan dengan pilihanraya seperti yang disebutkan dalam perenggan (f) subseksyen (1) dalam seksyen

6 tersebut, hendaklah berkuatkuasa apabila tamatnya tempoh-tempoh tertentu mengikut cara yang sama seperti yang diminta supaya diperuntukkan di bawah *Fasal 6* Rang Undang-Undang berkenaan dengan anggota-anggota Majlis Parlimen.

Perenggan (b) Fasal 21 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 Jadual Kelapan dengan menomborkannya semula sebagai seksyen 8 (1) dan memasukkan suatu subseksyen baru (2) yang membuat peruntukan berkenaan dengan hilang kelayakan seseorang anggota Dewan Negeri sesuatu Negeri yang serupa dengan yang hendak dibuat berkenaan dengan seseorang anggota suatu Majlis Parlimen di bawah pindaan Perkara 53 melalui *Fasal 7* Rang Undang-Undang. Di bawah pindaan yang dicadangkan dalam seksyen 8 tersebut, seseorang anggota Dewan Negeri yang hilang kelayakannya mula berkuatkuasa mengikut subseksyen baru (4) dalam seksyen 6 hendaklah terhenti menjadi seorang anggota Dewan Negeri, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang kelayakan itu mula berkuatkuasa, dan peruntukan-peruntukan seksyen 8 (1) yang membuat peruntukan, antara lain, mengenai keputusan Dewan Negeri, diambil berkenaan dengan sesuatu hilang kelayakan tidaklah terpakai.

Perenggan (c) Fasal 21 Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 11 Jadual Kelapan mengikut cara yang sama seperti *Fasal 12 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perkara 66. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 11 (3) Jadual Kelapan dengan itu memperuntukkan bahawa jika suatu Rang Undang-Undang diluluskan oleh Dewan Negeri sesuatu Negeri tidak diperkenankan dalam tempoh lima belas hari setelah ia dipersembahkan kepada Raja, maka Raja itu hendaklah disifatkan telah memperkenankannya, dan Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.

22. Fasal 22 (1) Rang Undang-Undang bertujuan meminda Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan dengan memasukkan ke dalam Senarai Persekutuan suatu butiran baru 27 untuk memperjelaskan bahawa Parlimen berkuasa untuk membuat undang-undang mengenai semua perkara berhubungan dengan Wilayah Persekutuan, termasuk perkara-perkara yang disenaraikan di bawah butiran 2, 3, 4 dan 5 Senarai Negeri.

Subfasal (2) Fasal 22 Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan, menurut cara yang sama seperti *Fasal 2*, bahawa *Fasal* ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1974, iaitu, tarikh Wilayah Persekutuan ditubuhkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN (U2) 1239.]